

Negara Islam perlu sepakat selamatkan Palestin: PM

Anwar jumpa pemimpin Arab bincang isu perjuangan, nilai kemanusiaan

Daripada Zainudin Isa di Arab Saudi
bhnews@bh.com.my

Riyadh: Isu semasa berkaitan perang Palestin-Israel menjadi topik utama dalam pertemuan di antara Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan Setiausaha Agung Liga Muslim Sedunia, Sheikh Dr Mohammad Abdul Karim Al-Issa, di sini, malam kelmarin

Dalam perbincangan kira-kira sejam itu, Perdana Menteri dan Sheikh Dr Muhammad, menyentuh pentingnya kesepakatan yang harus diambil pemimpin dunia Islam dan rangkaian ulama sedunia dalam memperjuangkan isu rakyat Palestin dan kekejaman Israel.

"Kami turut berbincang berkaitan isu dakwah dan pendi-

dikan Islam bersempena Muazakarrah Ulama Antarabangsa yang akan dianjurkan di Malaysia kelak," katanya dalam kenyataan ringkas selepas pertemuan yang berlangsung di pejabat liga berkenaan di sini.

Liga Muslim Sedunia yang juga dikenali sebagai Rabitah Alam Islami, adalah pertubuhan Islam yang berpengaruh, berpangkalan di Makkah.

Pertubuhan berkenaan yang diasaskan Raja Faisal bin Abdul-Aziz Al Saud pada 1966 adalah dibiayai kerajaan Arab Saudi.

Perdana Menteri kini dalam lawatan kerja dua hari bagi menghadiri Sidang Kemuncak Pertama ASEAN-Majlis Kerjasama Teluk (GCC), di sini yang berakhir kelmarin.

Semalam, Anwar menghadap Putera Mahkota Mohammed bin Salman, juga antara lain membincangkan konflik Israel-Palestin serta hubungan dua hala Malaysia-Arab Saudi.

Beliau kemudian berlepas ke Istanbul selepas itu untuk bertemu Presiden Turkiye, Recep Tayyip Erdogan, bagi berbincang lanjut isu Palestin dan Gaza.

Perdana Menteri kemudian dijadual ke Kaherah pula untuk



Anwar beramah mesra dengan sebahagian rakyat Malaysia yang tinggal dan bekerja di Arab Saudi.

(Foto BERNAMA)

berjumpa Presiden Mesir, Abdel Fattah El-Sisi.

Pertemuan dengan El-Sisi bagi membincangkan mengenai pembukaan laluan sempadan Rafah bagi memudahkan penyuluran bantuan makanan, minuman dan perubatan ke Palestin.

Atas dasar kemanusiaan

Sementara itu, ketika majlis ramah mesra bersama rakyat Malaysia sempena lawatan ke Arab Saudi, Anwar berkata, ketegasan Malaysia memperjuangkan isu kekejaman Israel terhadap bumi Palestin bukan untuk menjadi juara dunia, sebaliknya atas dasar kemanusiaan membela umat Islam.

Perdana Menteri menegaskan, usaha Malaysia sebagai negara kecil semata-mata untuk menegakkan nilai kemanusiaan sejagat tidak diperkotak-katikan.

"Jadi saya ambil masa untuk jumpa satu persatu pemimpin Arab untuk mendorong kita buat sesuatu demi kebaikan. Umat Islam sedang dicabar dan

diuji, sebab itu kita bersabar dan sampaikan ketegasan kita.

"Justeru, pada Sidang Kemuncak ASEAN-Majlis Kerjasama Teluk (GCC), saya ucap penghargaan kepada Putera Mahkota Mohammed bin Salman kerana bersama Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) yang mengambil inisiatif dengan negara Islam untuk nyatakan pendiriannya berhubung isu Palestin," katanya.

Perdana Menteri juga menegaskan, masalah Palestin tidak selesai hanya menyentuh soal perikemanusiaan sahaja, tetapi ia juga memabitkan soal prinsip keadilan.

"Konflik Palestin dan kekejaman berterusan Israel yang berlarutan lebih tujuh dekad bukan soal sentimen kaum, agama atau kaum Arab.

"Ini hak rakyat Palestin apabila tanah air, harta benda, maruah dan martabat mereka dirampas serta dihina. Di manakah nilai kemanusiaan kita," katanya.

Perdana Menteri berkata, dalam menangani konflik, ia me-

nuntut untuk umat Islam terus teguh menghadapi ujian.

Mengenai keadaan dalam negara, Anwar yang juga Menteri Kewangan, berkata pentadbiran Kerajaan Perpaduan yang diterajunya mementingkan soal kestabilan politik, pertumbuhan ekonomi, membawa pelaburan asing serta mengangkat kesejahteraan rakyat.

Katanya, dalam soal membasmi kemiskinan, dasar yang dilaksanakan semakin menampakkan hasil apabila bilangan miskin tegar sudah menurun kepada sekitar 18,000 orang, berbanding jumlah pada awal tahun mencecah 120,000 orang.

Kira-kira 300 rakyat Malaysia yang bekerja dan pelajar di sekitar Riyadh hadir pada majlis ramah mesra itu.

Turut hadir, Menteri Luar, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir; Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz dan Duta Besar Malaysia di Arab Saudi, Datuk Wan Zaidi Wan Abdullah.